

# EAC bantu peniaga pasar borong

**KUALA LUMPUR:** Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) akan membantu menyelesaikan beberapa isu berbangkit melibatkan peniaga dan pekerja di Pasar Borong Kuala Lumpur termasuk isu perlindungan sosial dan lesen perniagaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, EAC akan menjadi penghubung untuk peniaga dan pekerja di pasar borong tersebut dengan pihak yang berkaitan.

"Ramai pekerja di sini tidak mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) manakala ada juga peniaga yang tiada lesen."

"Seorang peniaga yang saya temui sudah bermiaga di pasar borong ini lebih 10 tahun namun masih tidak mempunyai lesen," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Pagi semalam, Mustapa meninjau operasi Pasar Borong Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklum balas secara terus daripada para peniaga, pembekal, pemborong dan pelanggan tentang situasi ekonomi dan kehidupan mereka akibat pandemik Covid-19.

Dalam lawatan tersebut, antara maklum balas positif yang diterima beliau adalah berkenaan kebenaran yang diberikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada warga kota untuk membuka gerai atau perniagaan secara kecil-kecilan di mana-mana kawasan yang sesuai di sekitar Kuala Lumpur bermula 15 November lalu.

"Langkah membenarkan warga kota untuk bermiaga kecil-kecilan memberikan impak positif kepada ekonomi ketika negara sedang menghadapi krisis kesihatan," katanya.